

Utamakan juga rakyat luar bandar

26 APR 1986

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta institusi-institusi perubatan swasta memperluaskan kemudahan perubatan mereka ke bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar untuk membantu kerajaan meningkatkan taraf kesihatan rakyat.

Perdana Menteri berkata, perkembangan perkhidmatan perubatan

swasta kini lebih tertumpu di kawasan-kawasan bandar, khususnya di negeri yang rakyatnya mempunyai pendapatan perkapita yang tinggi seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Perak.

"Kemudahan perubatan swasta di bandar-bandar kecil tidak begitu memuaskan, apatah lagi di luar bandar yang mengalami perkembangan yang sangat perlahan," tambahnya.

Berharap

Berikutan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan terpaksa memberi penekanan terhadap perubatan penduduk luar bandar, walaupun menghadapi masalah kewangan.

Berucap di majlis makan malam Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia (MMA) di sini malam ini, beliau berharap MMA akan mencari langkah wajar bagi menggalakkan lebih ramai doktor dan institusi perubatan swasta mengembangkan perkhidmatan mereka ke kawasan berkenaan.

Membantu

"Melalui usaha bersama ini, saya yakin kita akan berjaya meningkatkan kemudahan perubatan swasta di bandar-bandar kecil secara berperingkat-peringkat," ujarnya.

kurang bernasib baik," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan turut menggariskan tugas-tugas yang lebih penting untuk dilaksanakan oleh institusi-institusi perubatan swasta, termasuk membantu kerajaan menjayakan dasar perubatan negara.

Beliau berkata, tugas yang diberikan itu sejajar dengan pendekatan baru kerajaan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan negara termasuk penyediaan kemudahan perubatan kepada masyarakat, khususnya di luar bandar.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin perkhidmatan swasta mampu memenuhi keperluan perubatan negara ini kerana 54 peratus daripada jumlah doktor yang berkhidmat pada 1984 adalah dalam sektor itu.

Perdana Menteri berharap kemudahan-kemudahan perkhidmatan perubatan swasta akan dapat dinikmati oleh seramai mungkin rakyat negara ini, termasuk mereka yang berpendapatan rendah.

"Kita tidak boleh melupakan perlunya perkhidmatan perubatan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan yang